

Pelan Strategik PKT rancang aktiviti 2019

BESUT – Tidak dinafikan kecemerlangan sesebuah organisasi terletak kepada kepimpinan seorang ketua untuk menerajui organisasi tersebut. Namun begitu, perancangan dan penyelarasan aktiviti dan program yang akan dilaksanakan turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap ahli dalam sesuatu organisasi jelas akan hala tuju dan matlamat yang ingin dicapai.

Menyedari akan perkara ini, pihak pengurusan Politeknik Kuala Terengganu (PKT) di bawah kepimpinan baharu Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa telah mengadakan Bengkel Pelan Strategik Politeknik Kuala Terengganu bertempat di Kem Damai Beach Resort bagi merangka hala tuju PKT bagi tahun 2019 melalui perancangan aktiviti dan program dari unit dan jabatan.

Menurut Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT, mesyuarat tiga hari ini melibatkan semua Ketua Unit dan Jabatan dalam merancang, merangka, dan membentangkan program-program yang akan dijalankan pada tahun 2019 beserta dengan anggaran peruntukan yang diperlukan.

“Diharapkan Bengkel Pelan Strategik ini akan dapat membantu pihak Pengurusan dan semua warga PKT untuk lebih fokus dan jelas tentang hala tuju PKT bagi tahun 2019 hingga 2025 dalam merealisasikan visi Politeknik Malaysia iaitu *Menjadi Peneraju Institusi TVET yang Unggul*. Ini adalah selari dengan Revolusi Industri 4.0”, kata beliau.

“Antara perancangan 2019 yang telah diberi fokus utama adalah untuk meneroka dan menceburi bidang *e-learning* disamping bidang robotik memandangkan bidang utama di PKT adalah Teknologi Maklumat dan Kejuruteraan Elektrik yang saling berkait dalam penciptaan sesebuah teknologi robotik. Ini merupakan satu cabaran baharu yang perlu disahut oleh para pelajar dan pensyarah di PKT dan saya yakin PKT mampu menempa nama dalam bidang robotic satu hari nanti”, kata beliau.

“Bidang-bidang seperti inovasi, keusahawanan, sukan, kolaborasi, program pengantarabangsaan dan lain-lain turut diberi perhatian. Ia bagi memastikan PKT bergerak seiring dengan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang lain dan terus relevan dengan arus pendidikan masa kini” tambahnya lagi.

“Pihak pengurusan PKT juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Puan Suzana binti Mohd Ali, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PKT atas kesudian untuk menjadi penceramah dan pemudah cara bagi bengkel kali ini”, ucapnya.

Tambah beliau lagi, Politeknik Malaysia semakin mendapat tempat dan sambutan dalam kalangan pelajar untuk menyambung pengajian mereka selepas tamat SPM dan Sijil. Bagi pengambilan sesi Disember 2018 ini, PKT menyasarkan pengambilan seramai 150 pelajar

“Di PKT kita menawarkan program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) dan Pra

Diploma Sains. Bagi program Pra Diploma Sains, pengambilan adalah pada sesi Disember sahaja”, ujar di sini hari ini.

Syarat minimum kemasukan bagi lulusan SPM ialah memperoleh tiga kredit, lulus Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Sejarah. Bagi lulusan Kolej Komuniti, ILP, IKBN dan IKM harus mempunyai Sijil Tamat Latihan atau Sijil Kemahiran Tahap 3 dan 1 kredit mana-mana subjek SPM”, katanya.

“Bagi calon-calon yang berkelayakan dan berminat untuk memohon kemasukan ke PKT secara *walk-in* boleh datang terus ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Kuala Terengganu dengan membawa bersama salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkaitan. Permohonan dibuka sehingga 31 Disember 2018. Sebarang pertanyaan boleh terus hubungi Puan Nooraini binti Che Aziz, Pegawai Perhubungan Awam Politeknik Kuala Terengganu di talian 013-766 3132.

